

**Takaful Malaysia Yakin Atasi Pertumbuhan Pendapatan Industri
Bernama
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Syarikat Takaful Malaysia Bhd yakin ia boleh mengatasi unjuran pertumbuhan pendapatan 26-28 peratus bagi industri takaful tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Datuk Mohammad Hassan Kamil berkata pertumbuhan itu akan disumbang daripada peningkatan rangkaian agensi, pelancaran produk baharu dan kempen promosi agresif.

"Kami merancang melancarkan sekurang-kurangnya empat produk berkaitan pelaburan baharu dan insurans kesihatan tahun ini," katanya sambil menambah Takaful Malaysia akan menubuhkan 20 Pusat Takaful MyCare.

"Kami tidak mempunyai rancangan untuk menambahkan cawangan, tetapi kami merancang membuka lebih banyak Pusat Takaful MyCare, kerana pusat peringkat tinggi ini akan memainkan peranan sebagai pusat sehenti bagi pelanggan kami," katanya kepada pemberita pada taklimat mengenai prestasi kewangan 2011 Takaful Malaysia, di sini, Rabu.

Mengenai operasinya di Indonesia, Mohammad Hassan berkata anak-anak syarikat di sana ketika ini menyumbang kurang daripada lima peratus kepada pendapatan kumpulan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650551>